

## **PENILAIAN STRUKTUR PENGURUSAN PROJEK TKPM**

### **1. PENDAHULUAN**

Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) telah dibangunkan pada tahun 2000 dibawah RMK-8 dan sehingga kini terdapat 58 projek TKPM. Pada masa kini, TKPM telah dikategorikan sebagai 'pride project' Jabatan Pertanian dan perlu diberi keutamaan didalam pelaksanaannya. Namun begitu sejak dibangunkan, terdapat pelbagai bentuk pengurusan diperingkat projek.

Oleh itu, kertas cadangan ini diusulkan bertujuan untuk mewujudkan dan menambahbaik struktur pengurusan projek TKPM di seluruh Malaysia bagi mencapai objektif TKPM seperti berikut:


- a) Mewujudkan zon/kawasan kekal pengeluaran makanan.
- b) Meningkatkan pengeluaran tanaman makanan.
- c) Membangunkan dan meningkatkan penglibatan usahawan dalam bidang pengeluaran tanaman makanan secara komersil.
- d) Meningkatkan pendapatan bersih peserta kepada sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan.
- e) Menggalakkan dan meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam pengeluaran tanaman makanan.

Satu pasukan penilai telah dibentuk untuk menilai struktur pengurusan di TKPM. Dua TKPM telah dibuat tinjauan bagi mendapatkan gambaran sebenar di lapangan mengenai bentuk-bentuk pengurusan di peringkat pelaksanaan projek TKPM iaitu TKPM Ara Kuda, Pulau Pinang dan TKPM Lanchang, Pahang.

### **2. TEMUAN PENILAIAN**

Daripada tinjauan di lapangan dan perbincangan lanjut bersama pegawai yang terlibat dengan pengurusan TKPM serta peserta-peserta TKPM, dapat dirumuskan bahawa model pengurusan projek TKPM yang bersesuaian adalah seperti berikut:

**Rajah 1: Model Organisasi Operasi Pengurusan TKPM**



### 3. SKOP TUGAS (*TERM OF REFERENCE – TOR*) BAGI JAWATANKUASA TERLIBAT

<b>JAWATANKUASA / PASUKAN</b>	<b>KEAHLIAN JAWATANKUASA</b>		<b>SKOP TUGAS (<i>Term of Reference – TOR</i>)</b>
J/Kuasa Induk TKPM, Jabatan Pertanian Peringkat Ibu Pejabat (Putrajaya)	Pengerusi	: Ketua Pengarah Pertanian	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyemak, memansuh, meminda, menggubal dan meluluskan dasar pelan induk dan pelan strategik jangka panjang, sederhana dan pendek pembangunan TKPM</li> <li>2. Memperaku dan meluluskan kemudahan prasarana yang sesuai di salurkan kepada projek TKPM.</li> <li>3. Meluluskan cadangan penambahbaikan berdasarkan maklumbalas daripada J/Kuasa Outcome TKPM</li> <li>4. Mengesahkan agihan peruntukan yang disalurkan kepada setiap projek TKPM.</li> <li>5. Menilai pencapaian prestasi TKPM bagi memastikan pencapaian objektif.</li> </ol>
	Urusetia	: Hortikultur	
	Ahli	: Pengarah Pertanian Negeri Pengarah Bahagian	
	Kekerapan	: 2 kali setahun	
J/Kuasa Outcome TKPM, Jabatan Pertanian Peringkat Ibu Pejabat (Putrajaya)	Pengerusi	: Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (P)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memantau dan menilai kemajuan pelaksanaan projek TKPM seperti pengeluaran, pencapaian pensijilan SALM, peserta dan program pemasaran.</li> <li>2. Mengenalpasti kemudahan prasarana yang bersesuaian untuk disalurkan bagi pembangunan projek.</li> <li>3. Membincangkan isu/masalah berkaitan pelaksanaan projek dan membuat cadangan penyelesaian.</li> </ol>
	Urusetia	: Hortikultur	
	Ahli	: Pengarah Pertanian Negeri Pengarah Bahagian	
	Kekerapan	: 4 kali setahun (Mengikut wilayah)	

<b>JAWATANKUASA / PASUKAN</b>	<b>KEAHLIAN JAWATANKUASA</b>		<b>SKOP TUGAS (Term of Reference – TOR)</b>
J/Kuasa Teknikal TKPM, Jabatan Pertanian Peringkat Ibu Pejabat (Putrajaya)	Pengerusi	: Pengarah Bhgn Hortikultur	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meneliti aspek-aspek teknikal pembangunan TKPM</li> <li>2. Mengkaji dan meluluskan cadangan penubuhan serta pembangunan TKPM baru</li> <li>3. Meneliti dan menilai kemajuan kerja-kerja fizikal/infra serta cadangan penyelesaian isu berbangkit</li> </ol>
Urusetia	: Bahagian Hortikultur		
Ahli	: PPN / Pengurus TKPM , Pengarah Bahagian yang berkaitan		
Kekerapan	: 2 kali/tahun		
J/Kuasa Pembangunan Infrastruktur TKPM (Putrajaya)	Pengerusi	Pengarah Hortikultur	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memantau kemajuan kerja-kerja pembangunan infrastruktur</li> <li>2. Memantau kemajuan perbelanjaan bagi pembangunan infrastruktur</li> </ol>
Urusetia	Bahagian Hortikultur		
Ahli	PPN / Pengurus TKPM , Agensi yang berkaitan seperti BPSP, JBA, dan TNB)		
kekerapan	Setiap 2 bulan		
J/Kuasa Pelaksana TKPM Negeri	Pengerusi	: Pengarah Pertanian Negeri	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memperaku pemilihan peserta yang layak / berpotensi dan memastikan perjanjian pelaksanaan projek oleh peserta berjalan secara teratur dan dipatuhi.</li> <li>2. Meluluskan penamatan peserta yang tidak berdaya maju atau gagal menjalankan projek</li> <li>3. Menyelaras dan memantau pembangunan projek serta memperaku cadangan penambahbaikan</li> <li>4. Memantau kemudahan prasarana yang disalurkan samada bersesuaian dan boleh</li> </ol>
Urusetia	: Penyelaras TKPM		
Ahli	: Pengurus-pengurus TKPM		
Kekerapan	: 4 kali setahun (setiap suku tahun)		

<b>JAWATANKUASA / PASUKAN</b>	<b>KEAHLIAN JAWATANKUASA</b>	<b>SKOP TUGAS (Term of Reference – TOR)</b>
		<p>digunapakai oleh peserta.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>5. Memantau laporan kemajuan projek (hasil, perbelanjaan, peruntukan dll)</li> <li>6. Memantau pengamalan teknologi/ GAP</li> <li>7. Memantau rangkaian bekalan dan jaringan pemasaran peserta-peserta projek</li> <li>8. Isu-isu pelaksanaan TKPM</li> </ol>

#### 4. FUNGSI KUMPULAN PAKAR DAN SOKONGAN BAHAGIAN TEKNIKAL

Jadual 1: Peranan dan Fungsi Tugas Kumpulan Pakar

KEAHLIAN		SKOP TUGAS (Term of Reference – TOR)
Ahli	: Hortikultur Perindungan Tanaman dan Kuarantin Tumbuhan Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Tanah Kawalan Racun Perosak Padi, Tanaman Industri & Florikultur Kejuruteraan Pertanian <i>*Lantikan ahli pasukan pakar adalah secara individu</i>	1. Pemantauan ke atas program kawalan perosak 2. Pemeriksaan ke atas keperluan, jenis dan kadar pembajaan bagi menjamin kesuburan tanah 3. Pemantauan terhadap pertumbuhan tanaman, amalan agronomi, program pengaturan buah dan pengendalian lepas tuai 4. Memantau prestasi hasil peserta berdasarkan rekod ladang 5. Memantau pelaksanaan program pengembangan termasuk SALM/SOM
Kekerapan	: 4 kali/tahun (Berkala)	6. Pemantauan dan penyelarasan pembangunan ladang, jalan ladang dan sistem pengairan.

Jadual 2: Peranan Bahagian Teknikal


Bahagian	Peranan	KPI
Perindungan Tanaman dan Kuarantin Tumbuhan	Menjalankan lawatan pengawasan dan peramalan Lawatan ad-hoc	2 minggu sekali Mengikut keperluan
Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Tanah	Pengambilan sampel tanah dan daun Analisis sampel air Lawatan ad-hoc	2 kali setahun Sebulan sekali Mengikut keperluan
Kawalan Racun Perosak	Program kawalan perosak tanaman	4 kali setahun
Hortikultur	Pengurusan ladang dan Amalan agronomi Lawatan penilaian terhadap pelaksanaan dan pengamalan 'bench marking' berdasarkan 36 kriteria	4 kali setahun

## 5. STRUKTUR PENGURUSAN PROJEK TKPM

### i. Struktur Pengurusan Projek

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan projek dan pencapaian objektif TKPM itu sendiri, pengurusan yang berkesan perlu di titikberatkan. Justeru itu, satu struktur pengurusan diperingkat projek dicadangkan seperti Rajah 2.

**Rajah 2: Cadangan Asas Struktur Pengurusan**



### ii. Kriteria Pemilihan Pengurus

Bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan pengurusan projek di TKPM, tenaga kerja yang mencukupi dan berpengalaman amatlah di perlukan. Berikut adalah cadangan bagi pemilihan pengurus, penolong pengurus dan penyelia di TKPM:

- Keluasan kawasan TKPM dan bilangan peserta
- Jenis tanaman & Intensif pengurusan tanaman
- TKPM Tumpuan bagi lawatan teknikal dan sosial

### iii. Pertalian Pengurus dengan Peserta

Pengurus TKPM bertindak sebagai penyelararas dan penyelia kepada peserta-peserta projek TKPM bagi memastikan kejayaan *pride project* ini. Pertemuan antara peserta dan pengurus projek dilakukan secara berkala. Sebagai contoh, bagi pengurusan di TKPM Ara Kuda mesyuarat bulanan bersama peserta di lakukan secara bulanan. Walau bagaimanapun, mesyuarat bersama peserta ini adalah bergantung kepada kesesuaian TKPM itu sendiri. Antara tugas dan tanggungjawab pengurus projek terhadap peserta adalah:

- a) Membantu peserta merancang pelan penanaman (jenis tanaman, pusingan tanaman dan lain-lain) pada setiap awal tahun berdasarkan objektif TKPM
- b) Memantau pelaksanaan pelan penanaman oleh peserta projek
- c) Menilai laporan daripada pasukan penilaian dan pasukan pakar sebelum dibentangkan kepada peserta projek secara bulanan
- d) Merancang program pembangunan TKPM dan memantau infrastruktur yang terdapat di TKPM bagi kemudahan peserta
- e) Sebagai pakar rujuk kepada peserta dalam mendapatkan khidmat nasihat dengan dibantu oleh kumpulan pakar dan bahagian-bahagian teknikal.

## 6. FUNGSI / PERANAN JAWATAN BAGI PENGURUSAN PROJEK TKPM

Jadual 4: Skop Tugas bagi Pengurusan TKPM

BIL	JAWATAN	SKOP TUGAS
1	Penyelaras TKPM	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengurus hubungan/kerjasama antara agensi-agensi berkaitan</li><li>2. Penilaian projek, penetapan sasaran pengeluaran/pensijilan SALM</li><li>3. Urusan pengambilan peserta yang layak dan berpotensi</li><li>4. Menilai laporan peserta yang tidak berdaya maju/gagal menjalankan projek dan mengurus proses penyingkiran peserta</li><li>5. Menyediakan laporan kemajuan (laporan kewangan, pengeluaran, pendapatan peserta dll) bagi keseluruhan TKPM di Negeri</li><li>6. Urusan perundangan</li></ol>



BIL	JAWATAN	SKOP TUGAS
2	Pengurus TKPM	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Merancang, menyelaras dan memantau program pembangunan dan pelaksanaan projek</li> <li>2. Merancang, menyelaras, menyelia dan menilai pelaksanaan pelan induk &amp; pelan bisnes projek</li> <li>3. Menyelaraskan dan membangunkan jaringan pemasaran &amp; pembangunan rangkaian bekalan untuk peserta-peserta projek</li> <li>4. Merancang, melaksana dan mengurus pentadbiran TKPM (laporan perbelanjaan, kemajuan, mesyuarat bersama peserta dan program-program di TKPM)</li> <li>5. Merancang dan menyelaras program khidmat pengembangan dan penyampaian teknologi kepada peserta</li> <li>6. Menyemak laporan kemajuan peserta projek dan memastikan perjanjian pelaksanaan projek di buat secara teratur.</li> <li>7. Menilai laporan daripada pasukan penilaian dan di bentangkan kepada peserta projek TKPM secara bulanan.</li> <li>8. Memantau, menyelaras dan mengurus pembangunan sumber manusia</li> </ol>
3	Penolong Pengurus TKPM	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengurus pelaksanaan program pembangunan pertanian dan infrastruktur TKPM</li> <li>2. Mengurus pentadbiran TKPM (laporan perbelanjaan, kemajuan, mesyuarat bersama peserta dan program-program di TKPM)</li> <li>3. Menyelaraskan dan mengurus pembangunan sumber manusia</li> <li>4. Melaksanakan khidmat pengembangan dan penyampaian teknologi kepada peserta</li> <li>5. Mengurus program lawatan</li> </ol>
4	Penyelia TKPM	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melaksanakan program pengembangan kepada peserta</li> <li>2. Menjalankan tinjauan harian ke ladang</li> <li>3. Membuat bancian ladang (ploting) pada setiap bulan (tanaman sayuran)</li> </ol>

BIL	JAWATAN	SKOP TUGAS
		4. Menyediakan laporan kemajuan peserta-peserta projek 5. Membantu menyelaras program pembangunan pertanian dan infrastruktur TKPM 6. Pengamaskinian maklumat AgrisGeoportal dan SPPII 7. Sebagai pemudahcara bagi aktiviti pemasaran hasil, mekanisasi ladang, tenaga kerja, kontrak kerja dan lain-lain 8. Melaksanakan kursus kepada peserta (6kali/tahun)
5	Kakitangan Sokongan	1. Membantu kerja-kerja kemasukan data ke dalam sistem AgrisGeoportal 2. Membantu menyediakan laporan kemajuan dan kewangan 3. Membantu mengurus program lawatan dan kerja-kerja penyeliaan oleh penyelia

## 7. PENYEDIAAN PRASARANA

Bagi melancarkan pelaksanaan *pride project* dan memastikan pencapaian objektif yang telah ditentukan, beberapa kemudahan dan perkhidmatan asas yang diperlukan bagi pembangunan dan kemajuan projek hendaklah diberi perhatian yang serius. Antara kemudahan tersebut ialah:

- i. Kemudahan pejabat
- ii. Kemudahan pengangkutan
- iii. Kemudahan asas seperti telefon, computer dan dan mesin faksimili